



NOTA CAKAP
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI MELAKA
DAN
PELANCARAN TABUNG HARI PAHLAWAN TAHUN 2022
PERINGKAT NEGERI MELAKA
TARIKH: 12 OGOS 2022 (JUMAAT), JAM: 9.00 PAGI
DI DATARAN KOMPLEKS SERI NEGERI
(WAKIL : YB DATUK RAHMAD BIN MARIMAN)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.**

**Saya akan membacakan teks ucapan YAB Datuk Seri
Utama Haji Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka;**

Terima kasih saudara pengacara majlis;

**YB Datuk Zaidi bin Johari
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;**

YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;

YB Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri;

**Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Abdul Halim bin
Tawil,
Mufti Kerajaan Negeri Melaka;**

**Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Peringkat Negeri dan
Persekutuan;**

Datuk-datuk, Datin-datin, Dif-dif Kehormat;

**Seterusnya saudara-saudari warga kerja penjawat
awam Negeri Melaka yang dihormati sekalian;**

- Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana pada hari sayyidul ayyam ini, sekali lagi Allah mengizinkan kita semua untuk hadir pada **Majlis Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka dan Pelancaran Tabung Hari Pahlawan Tahun 2022 Peringkat Negeri Melaka.**
- Saya yakin melalui perhimpunan seumpama ini, kita dapat sedikit sebanyak berkongsikan maklumat dan peringatan dalam kita melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai penjawat awam dan anggota pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka.

- Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya mewakili YAB Ketua Menteri turut berbesar hati dan mengucapkan berbanyak terima kasih kepada seluruh warga kerja Jabatan Ketua Menteri dan ketua-ketua jabatan serta agensi di Melaka yang dapat hadir berhimpun di Dataran Seri Negeri pada pagi ini.
- **Saya juga menyampaikan salam takzim daripada YAB Ketua Menteri yang tidak dapat hadir bersama kita pada pagi ini atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.**

- Saya juga bersyukur dan mengucapkan berbanyak terima kasih di atas sokongan yang telah diberikan oleh keseluruhan pentadbiran dan juga penjawat awam bagi memastikan bahawa Negeri Melaka boleh mencapai sasaran perancangan yang telah kita tetapkan.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

1) PENJAWAT AWAM DI LARANG MEMBERI KENYATAAN AWAM

- Saya ingin menyentuh tentang **perkara pertama** pada pagi ini yang saya kira amat penting di mana penjawat awam perlu peka terhadap **larangan memberi kenyataan awam.**
- Sepertimana saudara dan saudari sedia maklum, arahan Kerajaan Persekutuan menerusi surat edaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berkenaan larangan yang saya nyatakan ini, adalah berdasarkan peraturan sedia ada yang masih

berkuat kuasa iaitu **Peraturan-peraturan Pegawai Awam di bawah kelakuan dan tata tertib 1993.**

- Peraturan ini menerangkan bahawasanya pegawai awam tidak boleh, secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain;-
 - I. **Membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memudaratkan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan kerajaan tentang apa-apa isu;**
 - II. **Membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memalukan atau memburukkan imej kerajaan;**

III. Membuat apa-apa ulasan tentang kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan; atau

IV. Mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana pihak lain.

- Kesemua prinsip yang saya sebutkan ini adalah bertujuan untuk mempertahankan prinsip '**neutrality**' dan '**impartiality**' dalam perkhidmatan awam.
- Oleh yang demikian, pegawai awam terutamanya di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka hendaklah

melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat dengan telus dan profesional.

- Dalam menghadapi cabaran dunia digital, saudara dan saudari perlulah lebih bijak dan sensitif sebelum mengeluarkan pernyataan awam kepada sebarang platform mahupun media bagi mengelakkan sebarang salah faham.
- Saya menegaskan dan memperingatkan semua warga kerja perkhidmatan awam Negeri Melaka untuk sentiasa berintegriti dan berhemah semasa

menggunakan media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram dan sebagainya.

- Saya berharap saudara dan saudari memberikan penekanan yang serius ke atas perkara ini serta mengingatkan semua ketua-ketua jabatan agar dapat memaklumkan kepada kakitangan di bawah seliaan masing-masing supaya sentiasa mematuhi peraturan dan tata etika yang telah ditetapkan.

Saudara dan saudari, penjawat awam yang dikasihi sekalian,

2) MENAMBAH BAIK PROSEDUR KERJA UNTUK MEMUDAHKAN PENGURUSAN ORANG AWAM

- **Perkara kedua** yang ingin saya tekankan pada hari ini adalah berkaitan prosedur kerja yang telah diamanahkan oleh kita sebagai penjawat awam dalam memudahkan urusan orang awam.
- Untuk makluman semua, semalam, saya telah merasmikan Program Hari Bertemu Pelanggan di Dewan Alamanda, Jasin di mana ia sebagai platform untuk orang ramai berkomunikasi dan berinteraksi

secara bersemuka bersama jabatan atau agensi-agensi Kerajaan.

- Pada hemat saya, program ini memberi kesan yang cukup besar dan bermakna kepada keseluruhan lapisan masyarakat bagi mempercepat penyelesaian masalah atau isu-isu yang berlaku di Melaka.
- Walaupun, kita berhadapan dengan pelbagai *complaint*, aduan ataupun inisiatif yang mahu dilakukan oleh masyarakat, namun kita perlu akur dan sentiasa

bersedia menerima segala pandangan ini kerana ia adalah perkara biasa dalam sistem kita.

- Pentingnya, bagaimana kita menguruskan aduan-aduan tersebut dan ini adalah suatu cabaran yang cukup besar kepada kita. Justeru, melalui cabaran inilah, penjawat awam perlu memperkasa kualiti dan sistem prosedur kerja untuk menyelesaikan segala permasalahan agar dapat mencapai sasaran-sasaran yang diharapkan oleh orang awam.

Saudara dan saudari, penjawat awam sekalian;

3) DASAR PENJIMATAN PERBELANJAAN AWAM

- Seterusnya, **perkara ketiga** yang ingin saya tegaskan pada majlis perhimpunan kali ini adalah berkaitan dasar atau garis panduan penjimatan perbelanjaan awam yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.
- Berdasarkan garis panduan ini, kita hendaklah menyusun semua program atau aktiviti dan menguruskan aliran tunai mengikut keutamaan dengan memastikan tidak membuat ‘trade-off’ ke atas

program dan aktiviti yang memfokuskan kepada kesejahteraan rakyat. Pastikan perbelanjaan kita ini lebih ke arah memberi manfaat kepada rakyat.

- Sehubungan dengan itu, saya mahukan semua penjawat awam Kerajaan Negeri Melaka memberi perhatian berat terhadap langkah-langkah pengurangan perbelanjaan termasuk pembaziran dalam keadaan ekonomi semasa bagi memastikan peruntukan yang diluluskan mencukupi untuk memenuhi perkhidmatan teras.

- Saya mohon, ketua-ketua jabatan khususnya memberi kerjasama dan memberi komitmen sepenuhnya untuk mematuhi langkah-langkah penjimatan ini dan bersama-sama menjayakan usaha Kerajaan Negeri Melaka untuk mengawal perbelanjaan.

Saudara dan saudari, penjawat awam yang dihormati sekalian,

4) SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG

- Esok, kita akan menyambut Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang bertempat di Dataran Sejarah Ayer Keroh, Melaka.
- Oleh itu, **perkara keempatnya** ialah, saya ingin mengajak semua penjawat awam untuk sama-sama menghadiri sambutan Bulan Kebangsaan ini bagi menyemarakkan lagi pelancaran program di samping menunjukkan komitmen bagi meraikan program-

program yang diatutkan bersempena dengan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022 yang sarat dengan semangat patriotik.

- Saya difahamkan, antara pengisian menarik program sambutan Hari Kebangsaan esok adalah **'berjalan teguh bersama'**. Berkait itu, marilah sama-sama kita meluangkan sedikit masa untuk menyokong program ini demi menunjukkan semangat patriotisme dan sebagai simbolik kebersamaan menuju kemakmuran.

Saudara dan saudari yang dikasihi sekalian,

5) PELANCARAN TABUNG HARI PAHLAWAN 2022

- Perkara yang terakhir, yakni yang **kelima**, adalah objektif utama majlis perhimpunan pada hari ini iaitu **Pelancaran Tabung Hari Pahlawan 2022 Peringkat Negeri Melaka** bagi mengenang peranan dan jasa-jasa anggota pasukan keselamatan, terutamanya anggota-anggota tentera, dalam menegakkan keselamatan dan keamanan serta mempertahankan maruah negara dari ancaman dalam dan luar.

- Sambutan Hari Pahlawan adalah antara usaha dan keprihatinan kerajaan dalam mengenang jasa perwira tanah air yang terkorban ketika mempertahankan kedaulatan ibu pertiwi mengenang jasa semua pasukan keselamatan tidak kira tentera, polis, bomba, imigresen, RELA, Angkatan Pertahanan Awam, Pihak Berkuasa Tempatan termasuklah para doktor dan jururawat yang kini kita gelar mereka sebagai petugas barisan hadapan atau “*frontliners*” dalam menjaga keamanan negara.

- Lantaran demikian, berikanlah tabik penghormatan tinggi, kepada semua pejuang kemerdekaan tanah air, yang telah bermati-matian, berkorban jiwa dan raga, termasuk juga kepada para perajurit, anggota pasukan keselamatan negara, demi memastikan kita semua dapat hidup aman serta sejahtera. Marilah kita berikan tepuk penghargaan kepada mereka semua!
- Saya menyeru kepada semua untuk sama-sama membalas budi khidmat mereka yang telah berkorban nyawa dengan menghulurkan sumbangan mengikut

keupayaan masing-masing sebagai penghargaan kepada pengorbanan mereka.

**Padang sasar lontar kelewang,
Patah dulang dibawa dara,
Sungguh besar jasa pejuang,
Hapus petualang bina negara.**

- Akhirul kalam, dengan lafaz kalimah suci, Bismillahirrahmanirrahim, saya mewakili YAB Ketua

Menteri dengan sukacitanya merasmikan **Tabung Hari Pahlawan Tahun 2022 Peringkat Negeri Melaka.**

Sekian,

Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

-TAMAT-